

PERBEZAAN DI ANTARA KENDIRI SEBENAR DAN KENDIRI IDEAL (PART 13)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

4. KONFLIK DI ANTARA KENDIRI SEBENAR DAN IDEAL

4.1 Konflik Kendiri.

Gagal mencapai matlamat merupakan salah satu akibat besar yang berpunca daripada konsep kendiri, iaitu anggapan dan perasaan keseluruhan tentang diri. Kejayaan mencapai sesuatu matlamat adalah bergantung kepada bagaimana bentuk penekanan terhadap konsep penting yang terdapat dalam pengurusan kendiri seseorang. Ia adalah perancangan jangka masa panjang diri. Apabila seseorang cuba mencapai sesuatu, dia lebih suka mengharapkan 'kepuasan segera' sebagai jalan ringkas. Setelah dikenal pasti, sebenarnya kegagalan menangani konflik Kendiri Sebenarnya sangat mempengaruhi kejayaan matlamat seseorang individu.

Konflik berlaku apabila apa yang kita kehendaki iaitu yang berbentuk Kendiri Ideal, dirasakan sukar untuk dipenuhi berdasarkan kemampuan diri iaitu Kendiri Sebenar. Keduanya penting dalam kehidupan dan juga merupakan autoriti yang tidak dapat dipisahkan dan diabaikan.

Konflik ini selalunya berlaku di dalam diri dan merupakan perkara biasa yang tidak dapat dielakkan oleh setiap individu. Penyelesaian terhadap konflik ini adalah bergantung kepada bagaimana seseorang memilih sama ada negatif dengan menarik diri daripada penglibatan membentuk kendiri; atau pun dengan memilih untuk menghadapi realiti sama ada dengan memperbaiki Kendiri Sebenar atau dengan mengurangkan Kendiri Ideal.

CONTINUE...